

25 NOV 1996

Mahathir-Keselamatan

ATASI MASALAH MENERUSI HUBUNGAN TERUS, KATA MAHATHIR

TELUK SUBIC, 25 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sebarang masalah di Laut China Selatan hanya boleh diatasi menerusi perhubungan terus antara negara-negara terbabit.

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak bimbang mengenai perkara itu yang menurutnya boleh diselesaikan.

"Kita tidak menganggap kehadiran kapal perang milik mana-mana negara di rantau ini akan membantu menstabilkan keadaan," katanya ketika ditanya mengenai keadaan keselamatan di rantau ini pada persidangan berita di akhir sidang kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di sini.

Beliau juga berkata China telah bersetuju untuk membincangkan isu itu atas dasar pelbagai hala.

"Kita telah mengadakan perhubungan dengan China dan kita tidak merasa tergugat olehnya," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia tidak menganggap perjanjian keselamatan antara Amerika Syarikat dan Jepun akan banyak menyumbang ke arah menstabilkan keadaan di Laut China Selatan.

Menyentuh mengenai isu perkauman yang hebat diperkatakan di Australia sekarang, beliau berkata beliau tidak membangkitkan isu itu dengan rakan sejawatannya dari Australia, John Howard.

"Ia bukan satu dasar rasmi Australia. Ia sekadar suara-suara sumbang oleh segelintir pihak dan kita tidak memberi perhatian kepadanya," katanya.

Isu perkauman itu dibangkitkan oleh anggota parlimen bebas Pauline Hanson, yang berkata Australia wajar menghentikan penerimaan lebih banyak pendatang asing kerana khuatir "kebanjiran orang Asia".

Ketika ditanya mengenai tindakan Amerika untuk menghukum syarikat-syarikat bukan milik negara itu yang berurusniaga dengan Libya dan Iran, Dr Mahathir berkata beliau telah diberikan jaminan sebelum datang ke Subic bahawa syarikat-syarikat Malaysia tidak terbabit kerana peruntukan itu tidak ada kaitan dengan Malaysia.

Oleh itu, katanya, tidak ada sekatan terhadap penyertaan Malaysia di kedua-dua negara itu.

Sehubungan itu, tidak ada sebab untuk membangkitkan perkara itu dengan Presiden Amerika Bill Clinton semasa pertemuan mereka di sini, kata beliau.

-- BERNAMA

MAM SHY AKD